

# DIARI JKSB

Edisi ke-2 / APRIL — JUN 2017



*Selamat Hari Raya*

Aidilfitri 1438H | Maaf Zahir & Batin

Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan  
Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar

# Kata-Kata Aluan

## Ketua Jabatan

### Sidang Editor

#### Penaung

P.M. Dr. Abd Halid Abdullah

#### Penasihat

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

#### Ketua Editor

Dr. Faisal Sheikh Khalid

#### Editor

Dr. Shahrul Niza Mokhatar

Dr. Mohd Hanif Ismail

#### Penyumbang Artikel

Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali

Dr. Faisal Sheikh Khalid

Dr. Mohd Hanif Ismail

Dr. Nor hazurina Othman

Pn. Hafizah Salleh



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang kedua pada tahun 2017. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid kerana berterusan mencakna aktiviti JKSB untuk dihimpunkan pada edisi kali ini. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek pada separuh pertama tahun 2017 ini. Jelas, warga JKSB telah menunjukkan kejayaan, komitmen dan semangat yang tinggi dari awal tahun sehingga saat ini. Saya yakin, warga JKSB akan terus meningkatkan prestasi dan kejayaan untuk separuh kedua tahun 2017 dengan mencipta lebih banyak kejayaan bersama. Semoga semua sasaran tahunan kita pada tahun ini akan tercapai dengan cemerlang dan meletakkan JKSB terus dihadapan.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua staf JKSB dalam menamatkan sesi pengajaran dan pembelajaran semester 2 2016/2017 dengan jayanya. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan.

Saya di meja Ketua Jabatan JKSB ingin mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga JKSB. Marilah kita mengambil kesempatan syawal ini untuk terus bersatu padu sebagai satu entiti berpasukan yang mantap dalam memastikan objektif kita tercapai dengan jayanya.

Sekian, Wassalam.

## Ketua Editor



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi kedua untuk tahun 2017 telah berjaya disempurnakan. Penampilan Diari kali menggambarkan intipati kerja warga JKSB pada separuh pertama tahun 2017. Pelbagai perkongsian oleh warga JKSB dapat memberi maanfaat kepada keseluruhan jabatan.

Akhir kata, saya mewakili pasukan editor Diari JKSB mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin.

Sekian, Wasalams

# Seminar *Concrete Repair and Rehabilitation Structure* **CRRS 2017** di CREaTE, , Melaka

Oleh: Dr Mohd Hanif Bin Ismail

16 hb Mei 2017 mencatatkan sejarah bagi Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar bersama sama Jamilus Research Centre, JRC kerana telah berjaya menganjurkan seminar selama satu hari dengan kerjasama JKR Create Melaka. Seramai 70 orang peserta dari pelbagai agensi swasta dan kerajaan telah menyertai seminar. Sepanjang seminar ini berlangsung, pengkongsian ilmu dan pengalaman daripada penceramah lebih ditekankan dalam seminar ini. Justeru itu, enam penceramah telah dijemput untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing. Sepanjang seminar ini berlangsung dengan lancar dengan kerjasama semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi memastikan seminar ini berjaya.



Seminar CRRS telah berlangsung selama sehari di Dewan CREaTE



AJK pelaksana sepanjang seminar dijalankan

# INTER-UTHM CONCRETE PONTOON COMPETITION

Oleh: Dr Mohd Hanif Ismail

Seramai 20 pasukan telah menyertai 'Inter-UTHM pontoon competition 2017' yang berlangsung pada 27 hb April 2017 yang lalu dengan jayanya melibatkan penyertaan daripada pelajar tahun 2 sehingga pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar(FKAAS). Pertandingan ini berlangsung selama sehari di Jamilus Research Centre, FKAAS. Staf sokongan dan staf akademik Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan juga turut serta terlibat bagi menjayakan program ini. 'Inter UTHM concrete pontoon competition' ini diadakan sebagai langkah persediaan untuk menghadapi 'International Concrete Pontoon Competition 2017' anjuran FKAAS yang akan berlangsung pada bulan September 2017 nanti. Tahniah diucapkan kepada pemenang yang akan mewakili fakulti dan syabas kepada ahlijawatankuasa pelaksana yang telah berusaha untuk mengadakan pertandingan ini.



# BENGKEL PEMANTAPAN STAADPRO 2017

---

Oleh: Dr Faisal Sheikh Khalid



Bengkel yang dikolai oleh Dr. Zainorizuan

Bengkel pemantapan pelajar menguasai perisian STAADPro telah berjaya dijalankan di Bilik Lestari 2, Perpustakaan Tun Aminah, UTHM pada 16 hb April 2017. Peserta seramai 30 orang pelajar telah mengikuti kursus sehari ini dengan berkesan. Bengkel ini disampaikan oleh Dr. Zainorizuan Mohd Jaini yang juga merupakan staf akademik JKSB yang mahir dalam bidang perisian kejuruteraan. Semoga bengkel ini dapat diteruskan pada setiap tahun untuk membantu pelajar untuk mempersiapkan diri bagi menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar.

# MAJLIS PERPISAHAN DR JOSEF HADIPRAMANA

---

Oleh: Dr Faisal Sheikh Khalid

Majlis perpisahan Dr. Josef Josef Hadipramana yang telah tamat perkhidmatan sebagai staf kontrak di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar telah diadakan pada 11 hb Mei 2017. Majlis ini diadakan di Bilik Mesyuarat 1, FKAAS yang dihadiri oleh sebahagian besar ahli jabatan untuk memeriahkan majlis perpisahan ini. Kami di meja editor Diari JKSB mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha dan tenaga yang telah dicurahkan untuk membantu jabatan secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Dr. Josef akan terus maju jaya dan moga kita berjumpa lagi.



Majlis perpisahan Dr. Josef di Bilik Mesyuarat  
1



Dr. Josef dan keluarga berangkat ke KLIA untuk kembali ke Indonesia

# MAJLIS BERBUKA PUASA JKSB 2017

Oleh: Dr. Faisal Bin Sheikh Khalid

Pada 15 hb Jun 2017 yang lalu, satu sambutan Berbuka Puasa peringkat Jabatan Kejuruteraan Struktur & Bahan telah diadakan di rumah Dr. Noorwatie Jamaluddin selaku tuan rumah majlis berbuka puasa JKSB. Majlis ringkas ini telah dihadiri oleh sebahagian besar warga JKSB bersama ahli keluarga masing-masing dengan konsep jamuan “potluck”.

Setelah berbuka tamar dan air, warga JKSB dan ahli keluarga menunaikan solat maghrib secara berjemaah yang di imamkan oleh Ketua JKSB. Sesesudah solat, majlis jamuan berbuka puasa diteruskan. Secara keseluruhannya, majlis ini mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga JKSB. Majlis telah berakhir pada jam 9.00 malam. Semoga majlis seperti ini dapat diteruskan untuk mengekalkan hubungan silaturrahim yang kuat dikalangan ahli jabatan. Syabas semua.



Antara ahli yang hadir dalam majlis berbuka puasa



Konsep juadah berbuka puasa secara “potluck”



Berbuka bersama dikalangan ahli jabatan

# TECHNICAL TALK: ESSENTIAL KNOWLEDGE OF CONCRETE FLOOR CRACKS

Oleh: Dr. Faisal Bin Sheikh Khalid

Ceramah teknikal mengenai “Essential knowledge of concrete floor cracks” telah disampaikan oleh Mr. Zack Lim Eng Hock yang merupakan pengasas kepada ZackLim Industri. Ceramah teknikal yang disampaikan mengenai teknologi dan kepakaran dalam rekabentuk dan pembinaan lantai konkrit khususnya dalam “superflat floor concrete”. Pelbagai input telah diberikan oleh beliau disepanjang ceramah yang beliau sampaikan. Sememangnya, beliau sangat pakar dalam bidang merekabentuk dan penghasilan lantai konkrit “super flat”. Pelbagai projek beliau telah dilaksanakan dengan berjaya dan mendapat pengiktirafan yang tinggi seperti projek-projek di IKEA (Malaysia & Singapura), Giant D.C, Salak Tinggi, PROTON City, SMART Tunnel, LCCT, TESCO Scott Garden, KLIA2 dan banyak lagi.

Ahli jabatan yang hadir rasa bertuah kerana dapat berkongsi kepakaran dan ilmu yang disampaikan oleh beliau. Pelbagai input yang berguna boleh diadaptasikan di dalam bilik kuliah khususnya bagi kursus rekabentuk konkrit.



Mr. Zack Lim semasa penyampaian ceramah beliau



# NDTCS 2017

Seminar Non-Destructive Testing on Concrete and Structural Health Monitoring 2017

## Seminar on 'Non-Destructive Testing on Concrete and Structural Health Monitoring' (NDTCS) 2017

Jamilus Research Center for Sustainable Construction (JRC) together with UTHM Commercial Sdn Bhd (UCSB) is organizing a Seminar - Non-Destructive Testing on Concrete and Structural Health Monitoring (NDTCS) 2017 on 3<sup>rd</sup> October 2017 located at Malaysian Nuclear Agency, Bangi.

This seminar is also a collaboration with Malaysian Nuclear Agency with the aim of convening experts from the academia and the industry to communicate their research, explore new knowledge and broaden professional networks, particularly in the field of construction and structural health monitoring.

This full-day course will be conducted by 5 invited speakers, which covers current technology, methods and techniques, and development of NDT in concrete and structural monitoring.

3<sup>rd</sup> October 2017  
Malaysian Nuclear Agency,  
Bangi, Malaysia

**BEM :**  
**6 CPD HOURS**  
**CIDB:**  
**10 CCD POINTS**  
**to be offered**



Mrs Salmiah (012-6506503)  
Dr Shahrul Niza (013-7120406)  
Dr Lee Yee Yong (014-6835578)



fkaas.jrc@uthm.edu.my



REGISTER NOW AT :  
<http://jrc.uthm.edu.my/NDTCS2017>

REGISTRATION DEADLINE :  
**15 SEPTEMBER 2017**

### KEYNOTE SPEAKER

- 01 Prof. Dr. Ruzairi Bin Abdul Rahim  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
"Ultrasonic Non-Destructive Evaluation and Imaging of Defects in Existing Concrete Structure"
- 02 Dr. Shukri Bin Mohd  
Malaysian Nuclear Agency  
"Development of Acoustic Emission for Bridge Inspection"
- 03 Dr. Mohd Azmi Bin Ismail  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
"GPR for Concrete Inspection"
- 04 Dr. Sallehuddin Shah Bin Ayop  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
"NDT Forensic Building"
- 05 Associate Prof. Dr. Norazura Bin Muhamad Bunnori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
"Acoustic Emission Application"

ORGANIZED BY :



### FEES:

**LOCAL**

INDIVIDUAL : RM 450.00/pax  
GROUP (Min 5 Pax) : RM400.00/pax

### INTERNATIONAL

INDIVIDUAL : USD 115.00/pax  
GROUP (Min 5 Pax) : USD 100.00/pax

\*All fees inclusive GST 6%  
\*Credit Card fees : Local RM35/pax  
: International \$10/pax



## Seminar/Kursus/Program/Penerbitan/Perundingan Ahli JKSB

Prof Madya Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim, Invited Speaker, Department of Civil Engineering, Faculty of Engineering, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Solo, Indonesia, 18-20 Jun 2018

Dr. Shahiron Shahidan, Dr. Noorwirdawati Ali, Dr. Hanif Ismail, Dr. Nor Hazurina Othman, Dr. Faisal Sheikh Khalid, Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Pn Norhafizah Salleh, Pn. Masni A. Majid, Pn.Noor Azlina Abdul Hamid. Seminar on Concrete & Rehabilitation of Concrete Structures (CRRS) 2017, CREaTE, Melaka, 16 Mei 2017

Dr. Shahrul Niza Mokhatar, Kursus MOOC Direction, Bilik Simulasi SCL, UTHM, 6 Julai 2017

Shahrul Niza Mokhatar, An Investigation Of Crater Diameter On Plain Slab Foamed Concrete Rice Husk Ash (FCRHA) Exposed To Low Impact Loading, MATEC Web of Conferences , 1, ISBN:2261-236X

Shahrul Niza Mokhatar, Performance Of Reinforced Concrete Beam With Differently Positioned Replacement Zones Of Block Infill Under Low Impact Loads, MATEC Web of Conferences , 1, ISBN:2261-236X

Faisal Sheikh Khalid, Mohd Irwan Juki, Norzila Othman, Mohd Haziman Wan Ibrahim. (2017). Pull-Out Strength Of Polyethylene Terephthalate Bottle Fibre In Concrete Matrix. Malaysian Construction Research Journal, 21(1), 2017, pp. 75-85

